

Perubahan itu indah



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHD

Hidup ini untuk berubah. Ia bukan setakat perubahan fizikal, daripada muda menjadi tua, daripada berambut lebat menjadi jarang-jarang atau daripada tidak cantik menjadi cantik – misalnya dengan bantuan produk kilo dari seberang sempadan tetapi juga pelbagai bentuk perubahan lain termasuk melibatkan mental dan jiwa raga.

Perubahan juga tidak hanya berlaku disebabkan oleh kita, si empunya diri. Batu di tepi jalan sebagai contoh, memang tidak boleh bergerak tetapi lambat-laun ia tetap akan berubah. Kalau bukan oleh manusia, tentu sahaja oleh iklim dan cuaca.

Kesimpulannya perubahan perkara tidak boleh dielak. Ia sesuatu yang kita terima sebagai hakikat. Tetapi ironinya, sikap kita terhadap perubahan agak pelik. Kita seakan-akan sentiasa bersedia untuk menghadapi perubahan yang menguntungkan kita.

Misalnya, jika tiba-tiba beroleh rezeki terpijak, kita akan berseronok suka

sehingga lupa soal terima kasih dan syukur kepada-Nya. Sebaliknya, apabila terjadi perubahan-perubahan tidak kena dengan hati dan selera, sikap kita akan berbeza sama sekali. Akan ada yang panik, menggelabah, malah tidak kurang muncung dan murung. Kita seolah-olah lupa pada sesuatu yang telah kita terima sebagai hakikat tadi.

Perubahan berlaku kerana banyak sebab. Contohnya, kerana penyakit, teknologi dan politik. Kita telah rasa sendiri bagaimana penanganan penyakit terhadap kehidupan kita semasa era pandemik. Sepanjang fasa itu, hidup kita menjadi hampir 90 peratus berbeza daripada kehidupan sebelumnya. Bayangkanlah, bersalam pun tidak boleh, apatah lagi berpeluk dan berlagu pipi.

Mengenangnya pun sudah memadai untuk menyebabkan kita tidak sanggup melaluinya sekali lagi walaupun bertindak dan perbuatan kita sekarang ini mempunyai tanda-tanda akan membawa kita kembali ke arah itu.

Saya katakan begitu kerana sekarang ini orang sudah kembali tidak mempedulikan jarak dan mereka yang masih memakai pelitup muka sudah sering dijadikan bahan lawak.

Teknologi seperti yang kita tahu adalah penyumbang paling besar terhadap perubahan corak kehidupan. Tidak perlu rasanya diulas kembali satu persatu. Memadai jika dikatakan, sama ada anda

atau saya atau mereka, kita semua akan perlahan-lahan hilang warasnya jika terpaksa berpisah separuh hari daripada telefon pintar masing-masing – penyakit yang dahulunya tidak pernah ada dan tidak pernah dibayangkan oleh manusia.

Dan dalam dunia di mana politik berperanan besar sebagai pencorak kehidupan, perubahan hidup kita juga sering dipengaruhi olehnya. Apa juga keputusan politik akan ada kesannya terhadap kehidupan.

Yang membezakannya hanyalah kecil atau besarnya kesan tersebut. Tidak kira apa faktor penyebabnya, perubahan itu terutama bersifat negatif perlu diuruskan dengan baik. Jika tidak, ia mungkin mempercepatkan tarikh kunjungan anda ke klinik atau hospital.

Untuk mengelak terjadi hal sedemikian, perkara pertama patut anda buat ialah sentiasa menyediakan pelan bagi menghadapi perubahan. Tanyakan pada diri, kalau berlaku perubahan dalam keluarga, apa tindakan anda?

Bagaimana dengan perubahan di tempat kerja? Bagaimana jika tiba-tiba terjadi peperangan? Bagaimana jika anda mendapat jiran baharu yang mulutnya macam puaka baru terlepas daripada kurungan?

Bagaimana kalau begitu, bagaimana kalau begini? Bagi setiap soalan, sediakan beberapa jawapan, kemudian 'bermain-mainlah' dengan jawapan itu

di fikiran anda supaya jika perubahan tersebut benar-benar terjadi, otak anda secara spontan akan mengusulkan langkah yang perlu diambil.

Bingkaikan semula pemikiran anda. Keluar daripada kotak pemikiran lama dan cubalah bina bingkai baharu. Cari dengan sebanyak-banyaknya kesan positif yang dibawa oleh perubahan-perubahan itu dan abaikan semua bisikan negatif. Berpeganglah pada satu kenyataan bahawa di sebalik setiap sesuatu yang buruk, pasti ada kebaikan terselindung. Cari yang terselindung itu, sebanyak yang mungkin.

Sesuatu perubahan negatif selalunya menjadi malapetaka bukan disebabkan oleh kesan dibawa perubahan tersebut tetapi sikap kita sendiri yang enggan berubah.

Jadi, jika mahu tenang menempuh perubahan, maka berubahlah. Ingatlah, keindahan kehidupan bukan terletak pada bagaimana kita cuba mengubah keadaan tetapi bagaimana kita menyesuaikan diri dengannya.

Kalau telah jatuh miskin pun masih hendak hisap curut dari Havanna yang harganya sekotak hampir sama mahal dengan seekor lembu pawah, sudah tentulah hidup jadi kacau-bilau dan tidak tentu arah...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang setiausaha politik dan juga bekas wakil rakyat.*

Uniknya penulis bertemu penulis



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Penulis ialah insan yang unik. Nama mereka cukup dikenali dan karya mereka bertebaran. Namun, mereka jarang dapat ditemui. Khalayak pembaca lebih kenal nama dan karya mereka daripada batang tubuh penulis itu sendiri.

Mereka juga insan pendiam. Kalau bercakap secara perlahan, tertib dan tidak 'hu ha'. Penulis adalah golongan dihormati masyarakat marhaen sehingga kluster kayangan.

Pemikiran mereka dihujah tetapi jarang disanggah. Jika disanggah pun, ia tidak melibatkan batang tubuh penulis itu sendiri. Barangkali kerana khalayak lebih mengenali tulisan, berbanding orangnya.

Berbeza dengan ahli politik. Khalayak lebih kenal personaliti dan bukan pemikirannya. Sebab itulah ahli-ahli politik menjadi sasaran kejian, bahan lawak, pujian, sanjungan, malah pujaan ber-

banding pemikiran mereka sendiri.

Sebagai penulis, saya mempunyai ramai kenalan dalam kalangan mereka. Bagi saya, penulis adalah manusia mempunyai dua mod. Ketika berkarya, dia seorang *introvert*, boleh sendirian tanpa rasa sunyi. Namun, *introvert* penulis itu hanya pada zahirnya.

Di dalam mindanya ada pelbagai perbualan sedang berlaku antara hati dan minda. Jika penulis itu seorang novelis, di dalam mindanya ada beberapa orang wataknya sedang bercakap, berdebat, menangis dan ketawa.

Penulis yang berkarya lazimnya akan membaca sambil menulis. Ketika membaca, dia menyelidik untuk mendapat fakta sebagai bahan tulisannya. Dia akan sampaikan fakta itu dalam bahasa mudah agar pembaca boleh memahaminya.

Sebagai seorang seniman, jarang sekali sesebuah halaman itu dapat disudahkan dengan sekali hadap. Dia akan menulis dan memadam, menulis dan memadam sehingga puas hati sebelum dia terus menulis halaman berikutnya.

Mujurlah pada zaman komputer ini, tulisan-tulisan dapat dipadamkan daripada skrin. Jika tidak, kita akan nampak bergumpal-gumpal kertas di sekeliling meja kerjanya. Apabila seseorang penulis itu beredar dari ruang kerjanya, itulah

masa dia bergaul dengan sesiapa sahaja. Dia bukannya pemalu tetapi pendiam. Diamnya diam-diam ubi.

Sambil mengikuti perbualan orang, dia memerhati untuk mendapat idea. Ramai penulis novel memasukkan dialog yang didengar di kafe ke dalam karyanya.

Jika salah satu mod seseorang penulis itu sebagai seorang *introvert*, mod satu lagi mestilah seorang *extrovert*. Tapi, bilakah dia menjadi seorang *extrovert*?

Penulis menjadi seorang *extrovert* apabila berjumpa dengan seorang penulis yang lain. Sebenarnya saya baru sahaja perasan dengan sikap *extrovert* seseorang penulis apabila menganjurkan sesi Sembang Buku dan Kopi.

Sebagai penganjur, saya juga bertindak sebagai moderator. Setelah empat sesi itu berlangsung, saya mendapati golongan penulis adalah insan yang lebih suka mendengar dan memerhati daripada bercakap.

Dalam sesi itu baru-baru ini, ada dua, tiga orang penulis yang baru saya kenali memang tampak pendiam. Dalam hati saya berkata, barangkali mereka tidak suka bercakap, pasif atau tidak punya idea untuk menyampuk.

Tetapi apabila mereka dipelawa membuka mulut, mereka yang saya kira pendiam itu sebenarnya memang tidak ku-

rang idea. Menariknya, seseorang penulis yang mula bercakap itu pandai menyambung perbualan, bukannya menyampuk dan membawa perbualan ke topik yang entah ke mana-mana.

Barangkali penulis mempunyai tabiat pandai menyusun fakta hingga pembaca kita lancar seperti berada di lebuhraya. Maknanya, penulis pandai menyambung perbualan hingga kita tidak terasa masa berlalu.

Sesi yang saya peruntukkan hanya dua jam terpaksa saya tangguhkan setelah mereka berbual lebih empat jam tanpa henti!

Saya rasa orang politik pun tidak dapat memenangi skil berbual seperti penulis. Kalau orang politik, lazimnya hanya seorang dua sahaja menguasai perbualan. Bagi golongan penulis, kesemuanya akan bercakap dan mereka tahu pula bila hendak berhenti. Agaknya kemahiran menulis mereka jadikan amalan kehidupan.

Oleh sebab dalam tulisan ada tanda noktah bagi merehatkan minda pembaca, dalam perbualan pun mereka ada noktah untuk beri peluang kepada penulis lain berbicara.

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*